

TEMA PMPT (2017-2019): MENJADI PENGIKUT YANG MEMILIKI PENHARAPAN
TEMA KEUSKUPAN MELAKA JOHOR (2016-2020): GEREJA SEBAGAI SATU KOMUNITI
KELUARGA.

SUB TEMA FEBRUARI: HARAPAN: MENYAMBUT ANUGERAH ALLAH DALAM
KEMANUSIAAN

Pengenalan: Harapan adalah anugerah Tuhan. Kita perlu memintanya. Ia diletakkan jauh di dalam hati setiap manusia untuk memberi penerangan tentang kehidupan ini. Kita perlu menyuburkan akar harapan supaya mereka dapat berbuah; terutamanya, akan keakraban dan kasih sayang Tuhan.

LAGU PEMBUKAAN: SEMUA KAR'NA ANUGERAH-NYA

Bukan ker'na kebbaikanku
Bukan ker'na fasih lidahku
Bukan ker'na kekayaanku
Ku dipilih ku dipanggil-Nya

Bukan ker'na kecakapanku
Bukan ker'na baik rupaku
Bukan ker'na kelebihanku
Ku dipanggil ku dipakai-Nya

CHO: Bila aku dapat itu kerana-Nya
Bila aku punyai semua daripada-Nya
Semua ker'na anugerah-Nya
Dibrikan-Nya pada kita
Semua anugerah-Nya bagi kita
Bila kita dipakaiNya

DIALOG:

"Saya tahu dengan pasti bahawa Tuhan tidak membuat kesilapan melainkan mukjizat. Saya adalah salah satu mukjizat-Nya, termasuk kamu. Petikan ini diambil dari Nickcholas James 'Nick' Vijicic adalah salah seorang yang banyak memberikan inspirasi dan motivasi kepada jutaan orang di seluruh dunia. Seseorang mungkin akan terkejut dengan kata-kata penuh harapan seperti yang dituturkan oleh seorang lelaki yang pernah mahu mengambil nyawanya sendiri ketika berumur 10 tahun.

Nick Vijicic seorang yang berkelahiran Australia mencapai kejayaan yang berturut-turut sebagai ; penceramah motivasi, siswazah, pengarang penguin Kristian, suami, bapa dan dia mencapai kejayaan tanpa kaki dan lengan. Dia dilahirkan dengan Phocomelia, gangguan yang jarang berlaku menyebabkan anggota badan tidak dibentuk sepenuhnya. Ibu bapanya, Dushka dan Boris sentiasa menyokongnya dan menggalakkannya untuk berkembang maju. Kata-kata semangat dan kepercayaan

yang diberikan serta keyakinan diri sendiri mendorongnya untuk terbang tinggi; “Bukan kerana saya tidak memahami rancangan Tuhan, tidak bererti Tuhan tidak bersama dengan Saya.”

Seperti yang dijangka, Dushka dan Boris tidak bersedia untuk menerima anak “istimewa” ini, mereka merasa sedih dan takut. Iman mereka teruji semasa membesarkan anak ini. Namun, apabila mereka meninggalkan harapan yang ‘sempit’ bagi anak yang 'sempurna' ini, iman mereka menjadi tonggak kekuatan mereka. Ini disebabkan oleh rahmat, kebijaksanaan dan kemuliaan Allah yang mereka alami dalam membesarkan anak ini; "Anda mungkin tidak mempunyai kaki, tetapi jangan biarkan itu menentukan apa yang boleh dan tidak boleh anda lakukan."

Vijicic melihat perjalanan hidupnya sebagai suatu yang “ tidak bernilai, dan menjadi bebanan kepada ibu bapanya”. Vijicic mampu melakukan banyak perkara berbanding dengan orang lain seperti; berenang, memancing, papan luncur salji, dan meluncur ombak. Dia telah mengembara ke 58 negara dan merentasi sejauh 3 juta batu untuk memberi pengharapan kepada orang-orang yang berputus asa.

Kadang-kadang mesej yang paling kuat boleh datang dalam perkataan yang paling mudah; "Allah tidak akan membenarkan sesuatu berlaku dalam hidup anda jika ia bukan yang baik untuk anda." Vijicic tidak menafikan bahawa kehidupan ini merisaukan tetapi dia mahu mengingatkan kita untuk menumpukan kepada apa yang terpenting dalam kehidupan kita.

Nick Vijicic adalah ciptaan yang unik dan merupakan alat Tuhan. Seorang penulis buku “Life without Limits”, mahu menyampaikan pesannya untuk tidak berputus asa kepada kita. Dia menyahut panggilan-Nya dengan penuh tanggungjawab, memiliki misi dengan pengetahuan bahawa "sentiasa ada seseorang di luar sana. Seseorang yang percaya kepada anda dan yang mencintai anda seadanya.”

Berbincang dengan teman di sebelah anda. Dan bincang sekali lagi dengan teman yang lain.

- Kongsikan beberapa contoh bagaimana anda memberi harapan kepada keluarga anda, di tempat kerja atau di kawasan kejiranan anda?
- Adakah anda kenal orang-orang tertentu dengan sifat-sifatnya yang memberikan inspirasi harapan kepada kamu atau sesama?

PENDALAMAN

TEKS ALKITAB: 2 TESALONIKA 2:13-17

- 1) Memohon kepada Roh Kudus
(Terbuka untuk ditemui dan diberi kuasa oleh Kristus...)
- 2) Membaca teks sebanyak dua atau tiga kali(atau menggunakan lukisan, gambar, lakonan, video)
- 3) Resapi Sabda Allah dalam keheningan
- 4) Apakah perkataan atau frasa yang menarik perhatian anda?
- 5) Apakah yang dikatakan oleh Roh Kudus kepada saya?

TINDAKAN

- a)Kongsikan dalam kumpulan perkara no.4 +5
- b) Kongsikan HANYA 2 atau 3 perkara utama dalam kumpulan besar
- c) Fasilitator mengarah kumpulan untuk SATU tugas yang perlu dilakukan. (Hening sekitika untuk mengamati tugas)
- d) Fasilitator membantu kumpulan mengerjakan beberapa perkara untuk tugas yang dipilih.(Tugas/projek KED yang dijalankan yang akan membawa harapan kepada orang lain)
- e) Meluangkan masa untuk doa dalam keheningan. (keperluan orang dalam masyarakat, tugas yang telah diputuskan)

Nota untuk fasilitator:

1. Menggunakan cara-cara kreatif/ alternatif dalam menjalankan tugas.
2. Perlu diingat tema, dan apa yang berlaku di dalam Dialog dan bahagian Pendalaman sebagai panduan
3. Perlu diingat 4'E' (Encountered, Empowered, Enlightened, Evangelising; *Pertemuan, Pemberian kuasa, Kesedaran@ Pencerahan, , Penginjilan*)
4. Anda bebas untuk merumuskan proses 3D (Dialog, Pendalaman, Tindakan) supaya ia relevan dan bermakna kepada komuniti kecil anda.)

LAGU PENUTUP: T'RIMA KASIH YESUS

Yang dulu tak ku mengerti, Sekarang Kau buat mengerti

Kau singkap matakku, dengan kasih-Mu

Yang tak pernah kufikirkan, Sungguh Kau telah sediakan

Kau curahkan berkat-Mu, Limpah dalam hidupku

Cho:

T'rima kasih, Yesus, T'rima kasih, Yesus

Ku beri syukur hanya bagi-Mu, Ya Allahku, ya Tuhanku

T'rima kasih, Yesus, T'rima kasih, Yesus

Ku beri syukur hanya bagi-Mu, T'rimakasih, Yesus